

# Malaysia mampu penuhi keperluan perolehan tanpa GST: Zeti

BH 15/05/18 M6-18

→ Tempoh masa 100 hari mampu dipandu ke arah betul

▀ Kuala Lumpur

**M**alaysia mampu untuk memenuhi keperluan perolehannya walaupun selepas memansuhkan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dengan meneliti keutamaan terhadap projeknya, meningkatkan kecekapan sektor awam, mengelakkan pembaziran dan meneroka sumber pendapatan baharu, kata Tan Sri Zeti Akhtar Aziz.

Bekas Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) itu juga menyatakan keyakinan terhadap ekonomi negara yang boleh dipandu ke arah yang betul dan tempoh masa 100 hari adalah mencukupi untuk menyediakan sesuatu yang jelas dan melakukan pengubahsuaian serta perubahan diperlukan.

## Mahu saksikan komitmen

“Saya berasa inilah juga yang diperlukan pasaran. Mereka mahu menyaksikan komitmen berkeajaan dan lebih jelas terhadap apakah yang akan dilakukan (oleh kerajaan),” katanya selepas menghadiri sesi taklimat berasingan dengan agensi penarafan kredit antarabangsa, Moody’s Investors Service, Standard & Poor’s Global Ratings dan



Zeti Akhtar Aziz

tubuhkan oleh Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, Sabtu lalu.

Dipengerusikan oleh bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, turut sama di dalam majlis itu adalah bekas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS, Tan Sri Mohd Hassan Merican; pakar ekonomi, Prof Jomo Kwame Sundaram dan ahli perniagaan, Robert Kuok.

Mengulas sama ada prestasi penanda aras FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) dan ringgit pada semalam adalah disebabkan oleh keyakinan semula terhadap ekonomi, Zeti menegaskan:

“Dalam keadaan tidak menentu akan ada turun naiknya.”

Ketika penggiat pasaran melihat komitmen dan kemampuan institusi seperti BNM, Kementerian Kewangan dan agensi lain dalam melaksanakan pembaharuan yang sepatutnya, beliau berkata:

“Saya percaya wujudnya potensi yang boleh membawa kepada keyakinan itu dan kita menuju ke arah masa depan yang lebih baik serta cerah.”

Mengulas contoh kejaya-

perkara serupa ketika era pentadbiran Dr Mahathir pada pertengahan 1990-an.

“Berikutan banyaknya projek mega yang dilaksanakan, imbalan pembayaran defisit akaun semasa kita melebihi 10 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan meningkatkan ketidaktentuan negara.

“Pada waktu itu, kita menasihatkan beliau supaya meneliti semula keutamaan projek mega dan menangguhkan pelaksanaannya pada masa depan.

“Dalam masa dua tahun, imbalan pembayaran defisit akaun semasa pulih kepada 4.6 peratus daripada KDNK berbanding melebihi 10 peratus seperti sebelumnya. Kita sudah melakukannya sebelum ini dan akan mampu mengulanginya,” katanya.

## Malaysia penuhi tanggungjawab hutang

Sementara itu, Zeti memberi jaminan bahawa Malaysia akan memenuhi tanggungjawab hutangnya di bawah kerajaan baharu dan menekankan bahawa perubahan politik semasa di negara ini berlaku pada [masa yang sangat positif].

Katanya, negara ini mengalami tempoh pelarasan, tetapi ia juga disokong oleh persekitaran ekonomi yang menggalakkan seperti harga minyak dunia yang lebih tinggi.

“Minyak kini diniagakan melepasi AS\$70 satu tong dan dengan itu terdapat sedikit kelegaan. Kita perlu mengambil kesempatan ini untuk melaksanakan dasar tertentu supaya kita akan mempunyai pelarasan